



JABATAN KEWANGAN NEGERI

TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG

TEL : 604-262 3505 / 3512
FAKS : 604-261 4399 (PEGAWAI KEWANGAN NEGERI)
604-264 5860 (TINGKAT 18)



Ruj Kami : JKNPP/400-4/2/1 (97)
Tarikh : 11 Ogos 2026

Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang

YB Dato' Dr./YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./lr./Tuan/Puan,

PILIHAN NOTIS PELEPASAN LIABILITI SKIM LINDUNGAN 24 JAM PERKESO

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, PERKESO telah memperkenalkan skim LINDUNG 24 jam mulai 1 Jun 2026. Semua pekerja yang diliputi di bawah Akta 4/LINDUNG Pekerja, wajib didaftar dan dicarumkan di bawah Skim LINDUNG 24 Jam. Majikan bertanggungjawab membuat potongan caruman daripada gaji pekerja mengikut kadar yang ditetapkan oleh PERKESO dan membayarnya kepada PERKESO pada setiap bulan. Skim LINDUNG 24 Jam diperkenalkan bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial secara menyeluruh kepada pekerja melalui liputan 24 jam terhadap kemalangan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan, termasuk kemalangan jalan raya

3. Mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam adalah mandatori. Walau bagaimanapun bagi pekerja tempatan, ianya adalah sukarela. Bagi mereka yang tidak memilih untuk menyertai skim ini, **Notis Pelepasan Liabiliti** hendaklah dilengkapkan dalam tempoh **13 Julai 2026 hingga 31 Ogos 2026**. Pekerja yang tidak menyertai tidak akan menerima faedah daripada skim LINDUNG 24 Jam. Sekiranya **tiada notis** untuk tidak menyertai LINDUNG 24 Jam diterima PERKESO bagi tempoh tersebut, penyertaan akan diaktifkan secara **automatik sebagai menyertai**.

4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak YB Dato' Dr./YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./lr./Tuan/Puan membuat hebahan kepada kakitangan terlibat untuk melengkapkan Notis Pelepasan Liabiliti Skim Lindung 24 jam dalam tempoh yang ditetapkan sekiranya tidak memilih skim tersebut. Notis ini boleh didapati di Portal Lindung Faedah, lindungfaedah.perkeso.gov.my

Sekian, terima kasih.

Ruj Kami : JKNPP/400-4/2/1 (98)
Tarikh : 11 Ogos 2026

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,


(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Penolong Bendahari Negeri

b.p Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang.

☎ : 04-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

Zu/perkeso